



**KENANGAN:** Nording (kiri) dan Surianih (kanan) bergambar kenangan bersama Tun Juhar (dua dari kiri) dan Toh Puan Norlidah (dua dari kanan).



**MESRA:** Tun Juhar (kanan) membincangkan sesuatu bersama Taufiq (dua dari kanan).



**CENDERAMATA:** Taufiq (dua dari kiri) menyerahkan cenderamata kepada Tun Juhar (tengah).

## Perisytiharan Konvokesyen UMS Ke-22 30 Disember ini

UB 24.12.2020 P.18

**KOTA KINABALU:** Perisytiharan Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-22 akan dilaksanakan pada 30 Disember ini. Naib Canselor UMS Profe-

sor Datuk Dr. Taufiq Yap Tun Hin berkata, perisytiharan bakal dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin selaku Canselor UMS melalui raka-

man yang akan disiarkan di Facebook UMS pada tarikh berkenaan.

“Perisytiharan ini penting bagi membolehkan pelajar-pelajar yang bergraduasi pada

tahun ini mendapatkan skrol mereka.

“Skrol berkenaan membolehkan mereka menggunakan kelayakan ijazah yang diambil untuk memohon

pekerjaan,” katanya dalam kunjungan hormat kepada Tun Juhar di Istana Negeri, pada Selasa.

Tambahnya, seramai 4,639 orang pelajar bergraduasi pada

tahun ini dan majlis konvokesyen dicadangkan sekitar Mac tahun depan, bergantung kepada situasi semasa pandemik COVID-19.

Turut melakukan kunjun-

gan adalah Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Nordin Siman bersama isteri Datin Surianih Basri bagi memaklumkan persaraannya pada 31 Disember ini. — Penerangan